

Deraf

**UCAPAN OLEH
YB DATO' SERI LAW HIENG DING
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN
ALAM SEKITAR**

**DI MAJLIS
PELANCARAN DASAR ALAM SEKITAR
NEGARA**

**DI CINDAI 1, CYBER VIEW LODGE
RESORT
CYBERJAYA**

**PADA 14 NOVEMBER 2002
JAM: 2.30 PETANG**

Yang Amat Berhormat
Dato' Chong Kah Kiat
Ketua Menteri Sabah

Yang Berhormat
Dato' Haji Zainal Dahalan
Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam
Sekitar

Yang Berhormat
Dato'-Dato' Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan
Negeri,

Tuan-Tuan Yang Terutama, Excellencies,

Yang Berbahagia
Ketua Setiausaha-Ketua Setiausaha,

Yang Berusaha
Ketua-Ketua Pengarah,

Yang dihormati
Ahli-Ahli Majlis Kualiti Alam Sekeliling,

Wakil Media,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati
sekalian,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera.

Pada petang yang mulia ini, saya berasa
berbangga bersama-sama dengan Yang
Berhormat - Yang Berhormat Dato'-Dato',

Tuan-Tuan dan Puan-Puan semua
menghadiri Majlis Pelancaran Dasar Alam
Sekitar Negara ini.

Sepertimana kita semua sedia maklum,
proses untuk menyediakan Dasar Alam
Sekitar Negara telah mengambil usaha yang
agak intensif dan comprehensif. Ia bermula
sejak tahun 1996 dan melibatkan
percambahan fikiran (brainstorming)
di antara Kerajaan dan Badan-Badan Bukan
Kerajaan (NGO), wakil-wakil komuniti,
akademi, pakar-pakar perancangan dan
pembangunan, wakil-wakil korporat dan orang
perseorangan yang berkenaan. Pada
peringkat permulaan penggubalan dasar ini,
terdapat pelbagai masalah dan komen
disuarakan untuk memenuhi kehendak dan
aspirasi masyarakat yang terdiri daripada
bidang-bidang dan keperluan yang tertentu.
Namun begitu, kehendak-kehendak ini telah
dapat dilayan dengan penuh kesabaran serta
kesungguhan semua pihak yang terlibat (all
stake holder) sehinggalah berjaya
menghasilkan Dasar Alam Sekitar Negara
yang dilancarkan pada petang ini.

Excellencies Ladies & Gentleman,

On behalf of the Ministry of Science, Technology and the Environment, let me bid you a warm welcome and thank you for taking your precious time off to be here at this auspicious occasion for the launching of the National Policy on the Environment.

Personally I am honoured and proud to be associated with the preparation of this Policy since the beginning till this day, where we are seeing it becoming a reality.

In the course of preparing this Policy since 1996, we have received various kinds of criticisms and praises, positive and negative viewpoints, suggestions, so on and so forth from various concerned parties. We have done our level best to accommodate all these viewpoints and proposals in the formulation of this policy. All your efforts have not been in vain, and this afternoon, the National Policy on the Environment will be officially announced as an environmental blueprint to ensure continuous economic, social and cultural progress of Malaysia, while giving

equal emphasis to enhancing the quality of life of Malaysians and environmental protection.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Dalam menangani isu-isu alam sekitar negara, pelbagai sudut telah diambil kira. Ini bagi memastikan segala pembangunan yang sedang dijalankan dan yang akan dirancang mengambil-kira bukan hanya pembangunan fizikal sahaja bahkan juga mengambil-kira aspek-aspek estetik, pemuliharaan sumber-sumber, perlindungan ekosistem dan peningkatan kualiti hidup rakyat berteraskan konsep pembangunan lestari ataupun 'sustainable development'.

Dalam konteks ini, pembangunan lestari yang diamalkan di Malaysia adalah berdasarkan tiga tonggak utama iaitu pembangunan ekonomi, pembangunan sosial dan perlindungan alam sekitar. "In our Malaysian context, the sustainable development that we subscribed to is embodied within three pillars: economic development; social development; and environmental protection". Pembangunan lestari tidak dapat dicapai sekiranya salah

satu daripada tonggak ini diabaikan atau dikecualikan. Oleh yang demikian, Dasar Alam Sekitar Negara ini telah diwujudkan untuk mengambil-kira penggabungan ketiga-tiga tonggak tersebut demi kesejahteraan dan kemakmuran negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Pendek kata, Dasar Alam Sekitar Negara ini bertujuan untuk meneruskan kemajuan ekonomi, sosial dan budaya serta peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia sambil menerusi kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari.

Tambahan pula, Dasar Alam Sekitar Negara ini secara umumnya akan memberi tuju-arah yang harus diikuti oleh semua pihak samada agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Tempatan, sektor industri dan perniagaan, masyarakat tempatan dan lain-lain '*stakeholder*' bagi memastikan alam sekitar kita sentiasa bersih, selamat, sihat dan produktif serta mencapai objektif-objektif Dasar seperti :

- ◆ Untuk mencapai alam sekitar yang bersih, selamat sihat dan produktif bagi generasi masa kini dan masa hadapan ;
- ◆ Pemuliharaan kebudayaan dan warisan semulajadi yang unik dan pelbagai dengan penyertaan semua sektor masyarakat ; dan
- ◆ Cara hidup, pola penggunaan dan pengeluaran yang lestari.

Strategi-strategi yang dimuatkan dalam Dasar ini seterusnya dapat memastikan usaha-usaha yang bakal diambil oleh semua pihak yang terlibat dibuat secara bersepadu dan tidak bercanggah di antara satu sama lain. Ini akan memantapkan lagi usaha kita mencapai pembangunan lestari tanpa membazirkan sumber, tenaga dan masa. Dasar ini bertujuan membentuk asas yang kukuh untuk menyokong pelaksanaannya berdasarkan strategi-strategi hijau seperti :

- (i) Pendidikan dan Kesedaran ;
- (ii) Pengurusan berkesan sumber asli dan alam sekitar ;
- (iii) Perancangan bersepadu pembangunan dan pelaksanaan yang bersepadu ;

- (iv) Pencegahan dan kawalan pencemaran dan kemerosotan alam sekitar ;
- (v) Pengukuhan mekanisme pentadbiran dan keinstitusian ;
- (vi) Pendekatan proaktif terhadap isu alam sekitar serantau dan sejagat ; dan
- (vii) Pembentukan dan pelaksanaan Pelan-Pelan Tindakan.

The National Policy on the Environment aims at establishing a firm and broad foundation to support its implementation based on the following Green Strategies :

- (i) Education and awareness ;
- (ii) Effective management of natural resources and the environment ;
- (iii) Integrated development planning and implementation ;
- (iv) Prevention and control of pollution and environmental degradation ;
- (v) Strengthening administrative and institutional mechanisms ;
- (vi) Proactive approach to regional and global environmental issues ; and
- (vii) Formulation and implementation of Action Plans.

Yang Berhormat-Yang Berhormat Dato'-Dato',
Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Sepertimana yang dinyatakan awal-awal tadi, di antara penekanan yang diberikan di dalam Dasar ini ialah pemuliharaan dan pengurusan secara lestari kawasan-kawasan semulajadi negara. Pemuliharaan dan pengurusan ini amatlah bergantung kepada penghayatan dan sikap bertanggung-jawab semua lapisan masyarakat. Dari corak penggunaan di peringkat individu hinggalah keputusan-keputusan yang dibuat oleh semua agensi yang terlibat, pemuliharaan dan pengurusan secara lestari sumber-sumber semulajadi negara adalah tanggung-jawab kita semua. Objektif Dasar ini akan tercapai bila semua lapisan masyarakat bekerjasama dan menyokong sepenuhnya Dasar berkenaan.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sukacita saya menyeru supaya semua lapisan masyarakat meningkatkan azam dan komitmen bagi menyokong dan menentukan agar Dasar ini dapat berjalan dengan lancar. Kita mahu melihat kehidupan yang murni di negara ini di samping dapat berinteraksi dan

melihat pelbagai spesis kehidupan hidup berkembang dengan sempurna. Sama-samalah kita tentukan pada setiap masa kita dapat menikmati udara yang segar dan air sungai yang bersih, pantai yang indah dan bumi yang produktif penuh dengan kekayaan sumber-sumber semulajadi.

Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan setinggi penghargaan saya kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang meluangkan masa bagi menghadiri Majlis Pelancaran ini. Semoga Dasar Alam Sekitar Negara yang dilancarkan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.